

# Dr. M kesal dan tidak puas hati dengan tindak-tanduk Majlis Peguam

UM - 4 DEC 1990

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kesal dan tidak puas hati dengan tindak-tanduk Majlis Peguam khususnya apabila ia cuba memenjarakan Ketua Hakim Negara.

Bagaimana kerajaan hendak menghormati mahkamah jika ia boleh diugut oleh Majlis Peguam, beliau bertanya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan menghormati mahkamah tetapi apakah cubaan untuk memasukkan hakim ke dalam penjara, terutama hakim yang tertinggi sekali merupakan penghormatan Majlis Peguam kepada mahkamah.

Dalam ucapan dasarnya semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO hari ini, beliau berkata, peguam yang terlibat dengan kes ini apabila didakwa kerana menghina mahkamah didapati bersalah dan didenda hanya \$5,000 sahaja.

Peguam yang beliau maksudkan ialah Encik Manjeet Singh, Setiausaha Kehormat Majlis Peguam.

Sebaliknya, tegas Dato' Sri Dr. Mahathir, jika tindakannya (Manjeet) mendakwa Ketua Hakim Negara kerana menghina mahkamah berjaya, Ketua Hakim akan kehilangan jawatan — satu hukuman yang amat berat.

Menurut Perdana Menteri, jika Majlis Peguam boleh berbuat demikian kepada Ketua Hakim Negara, mereka juga boleh berbuat perkara yang sama kepada hakim-hakim lain.

Beliau menambah, mereka sering mengugut untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap sesiapa sahaja yang mengkritik Majlis Peguam.

"Mereka juga sepanjang masa berhubung dengan majlis-majlis peguam di seluruh dunia untuk menghina mahkamah di Malaysia," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, tidak ada tindakan yang diambil terhadap penghinaan mereka ini kerana pihak yang boleh menghukum mereka takut dituduh dan diserang oleh Majlis Peguam.

Beliau berkata, kebebasan mahkamah sebenarnya diganggu oleh Majlis Peguam dan bukan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, sementara kerajaan bertindak mengikut undang-undang dan perlembagaan, Majlis Peguam cuba melucutkan Ketua Hakim Negara daripada jawatannya dengan tidak berpegang kepada undang-undang.

"Baru-baru ini Majlis Peguam mengambil tindakan untuk memenjarakan Ketua Hakim. Majlis Peguam yang sama ini juga menghentam kerajaan kerana melucutkan jawatan seorang Ketua Hakim Negara yang lain," katanya.

Beliau menambah, tingkah-laku Majlis Peguam adalah satu contoh jelas betapa badan bukan kerajaan boleh menindas masyarakat dan menutup mulut pengkritik.